

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.11.2017

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklum balas dari pelabur, teknokrat dan usahawan Amerika Syarikat mengenai sikap keterbukaan Malaysia yang mengatakan terdapat kempen untuk sengaja mensabotaj 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan melemahkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

YAB Perdana Menteri telah memberitahu komuniti perniagaan Amerika Syarikat bahawa terdapat kempen untuk sengaja mensabotaj 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan melemahkan keyakinan

pelabur terhadap ekonomi Malaysia. Tindakan itu merupakan sebahagian daripada percubaan yang gagal untuk menggulingkan Kerajaan. YAB Perdana Menteri telah menggesa komuniti perniagaan supaya tidak membiarkan perkara ini mengaburkan realiti sebenar.

Realiti sebenar ialah impak isu 1MDB ke atas kedudukan ekonomi negara adalah rendah sekali kerana program rasionalisasi syarikat itu berjalan dengan baik. Fakta ini begitu jelas dan tidak dipertikaikan oleh pelabur, teknokrat dan usahawan Amerika Syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

Hakikatnya, ekonomi Malaysia akan terus berkembang pada kadar yang jauh melebihi purata antarabangsa seperti mana yang dilaporkan oleh Bank Dunia. Pelabur, teknokrat dan usahawan Amerika Syarikat ataupun mana-mana negara lain akan memberi perhatian kepada *economic fundamentals*, dengan izin.

Bank Dunia dalam laporan mutakhir telah menyatakan: "Malaysia diramal tumbuh lebih pantas, mencerminkan peningkatan keyakinan, lebih banyak pelaburan dan pemulihan dalam dagangan dunia." Ini adalah perakuan terhadap kejayaan pelan jangka panjang Kerajaan yang dinikmati rakyat Malaysia. Pencapaian ini adalah susulan

tindakan Kerajaan mengambil beberapa keputusan sukar yang tidak popular untuk kepentingan masa depan rakyat dan negara. Laporan itu turut menyebut: "Pertumbuhan dalam perbelanjaan penggunaan persendirian dan peningkatan eksport komoditi utama serta pembuatan menyumbang terhadap kepantasan pertumbuhan Malaysia. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tumbuh pada kadar 5.6 peratus dalam suku pertama 2017 dan 5.8 peratus pada suku kedua - prestasi terbaik sejak suku pertama 2015". Selain itu, laporan Bank Dunia juga turut menyebut: "Jumlah kemasukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) terus rancak di Malaysia."

Tuan Yang Dipertua,

YAB Perdana Menteri, di dalam ucapannya pada bulan Julai 2017 di dalam forum Invest Malaysia telah memberi beberapa contoh keyakinan pelabur asing bukan sahaja dari Amerika Syarikat tetapi dari pelbagai negara lain. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. HSBC akan melabur lebih RM1 bilion untuk membina ibu pejabat serantau di Tun Razak Exchange (TRX) yang bakal menjadi hab kewangan antarabangsa di Malaysia;

- ii. Broadcom Limited, salah satu syarikat semi-konduktor terbesar di dunia akan memindahkan hab pengedaran globalnya daripada Singapura ke Malaysia;
- iii. Huawei, sebuah syarikat global dan terkemuka ICT akan melabur sebanyak RM2.2 bilion di Malaysia dan menjana 2,370 peluang pekerjaan baru;
- iv. Saudi Aramco akan melabur AS\$7 bilion untuk membeli kepentingan sebanyak 50 peratus di dalam projek RAPID Petronas di Johor;
- v. Coca-Cola telah melabur RM1 bilion di Malaysia sejak tahun 2010. Pada bulan Mac 2017, Coca-Cola mengumumkan pelaburan tambahan sebanyak RM500 juta untuk meningkatkan kapasiti kilangnya di Bandar Enstek.

Justeru itu, adalah jelas bahawa isu 1MDB tidak mempunyai impak ke atas jumlah kemasukan FDI dan pelabur asing masih mempunyai keyakinan terhadap ekonomi Malaysia.